



Pembuangan sampah haram **berleluasa**

Penduduk terpaksa menahan bau busuk selama lebih lima tahun

BATANG KALI - Penduduk Kampung Sri Pagi, Sungai Choh terpaksa menahan bau busuk akibat aktiviti pembuangan sampah haram oleh pihak-pihak tertentu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Zainal Naus berkata, perkara itu sudah berlanjutan sejak lima tahun lalu tanpa sebarang tindakan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

"Lori-lori sampah sewenang-nya membuang sampah di situ dan laluan itu juga berdekatan dengan penempatan penduduk yang su-

dah pasti menimbulkan bau kurang menyenangkan.

"Perkara ini sudah berlaku sejak lima tahun lalu dan walaupun saya sudah buat aduan pada MDHS, tetapi tidak mendapat sebarang respon.

"Saya selaku ketua kampung di sini cukup kecewa dengan tindakan majlis yang seolah-olah lepas tangan dengan aktiviti sampah haram ini kerana sepatutnya perkara ini di bawah tanggungjawab mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bimbang pembiakan aedes

Tambahnya, aktiviti sampah haram itu juga menyebabkan wujudnya tempat pembiakan nyamuk.

"Apa yang saya risau kalau penyakit denggi pula akan menyerang kampung ini kerana tempat pembuangan sampah haram itu juga nanti akan jadi tempat nyamuk membiak," katanya.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Dun) Batang Kali,

Mohamed Nazar Yakin berkata, pembuangan sampah haram itu juga dikhawatiri akan mencemarkan sungai berhampiran kampung itu.

"Ini kerana, aktiviti pembuangan sampah haram itu dibuat berhampiran sungai.

"Sepatutnya sungai kita dijaga, kalau sungai di Hulu Selangor pun sudah kotor, bagaimana pula keadaannya di hilir nanti? Sudah tentu akan menjadi lebih teruk," katanya.

Pihaknya juga berkata MDHS sudah maklum berhubung masalah sampah haram itu namun tidak mahu membuat sebarang tindakan.

MDHS nafi dakwaan tiada tindakan

Bagaimanapun, MDHS menafikan dakwaan itu dan menegaskan tindakan segera sudah pun diambil berhubung perkara itu.

Yang Dipertua MDHS, Mohamad Zain A. Hamid berkata, pihaknya sedang berusaha untuk menjejaki individu dan pihak tidak bertanggungjawab



Sampah haram yang meningkatkan risiko pembiakan nyamuk aedes.



NAZAR

yang membuang sampah di kampung itu.

"Memang kami sedang berusaha untuk atasi masalah itu. Kami juga berusaha untuk menangkap individu yang membuang sampah di situ tetapi menggunakan modus operandi tersendiri yang kami tidak boleh dedahkan.

"Masalah sampah haram juga berlaku kerana ia seakan virus yang amat sukar untuk dihapuskan.

"Keadaan menjadi lebih teruk ke-

rana tempat pembuangan sampah di Sungai Sabai sudah ditutup dan pihak tidak bertanggungjawab pula cuba berpindah ke tempat lain untuk membuang sampah," katanya.

Tambah Zain, masalah juga berlanjutan kerana walaupun pihak majlis sudah membersihkan sampah haram, individu yang tidak bertanggungjawab membuang sampah haram itu akan berpindah pula ke lokasi lain.

"Bila kita bersihkan, mereka akan buang pula di tempat lain. Itu yang menyukarkan kita untuk bersihkan semua tempat kerana mereka pun berpindah randah buang sampah haram.

"Jika pihak majlis dapat menangkap individu yang buang sampah haram ini, kompaun sebanyak RM 1,000 akan dikenakan dan lori mereka akan disita.

"Kita akan terus bertegas untuk membendung masalah ini dari terus berlaku namun, maklumat dari orang ramai juga perlu untuk kita boleh terus sampai ke lokasi bermasalah," katanya.

“Memang kami sedang berusaha untuk atasi masalah itu. Kami juga berusaha untuk menangkap individu yang membuang sampah di situ tetapi menggunakan modus operandi tersendiri yang kami tidak boleh dedahkan.” - Zain